KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 18/9/2021 (SABTU) | MUKA SURAT | : | 17 |
| JABATAN | : | JHL SABAH | | | |

Sinar, 18 Sept 2021_17

## Buaya berkeliaran atas jalan di Papar

**PAPAR** - Penduduk sekitar Kampung Nagapas di sini gempar dengan kehadiran seekor buaya di atas jalan pada malam Rabu.

Kejadian itu dipercayai berlaku pada jam 11.30 malam.

Kehadiran reptilia sepanjang kira-kira tiga meter itu disedari penduduk kampung dan sempat dirakam oleh seorang lelaki dari dalam kenderaannya.

Rakaman video berdurasi 15 saat itu tular di media sosial dan aplikasi WhatsApp sehingga menimbulkan pelbagai reaksi warganet.

Seorang penduduk, Richard L, 52, berkata dia terkejut melihat buaya berkenaan benar-benar berada di atas jalan.

"Ini kali pertama saya melihat buaya berkenaan. Tujuan saya tularkan video yang dirakam oleh seorang lelaki lain itu adalah sebagai peringatan kepada orang ramai supaya lebih berhati-hati.

"Ini kerana penduduk kampung sering turun ke sungai untuk menangkap ikan," katanya.



**Kelibat seekor buaya ditemui penduduk di Kampung Nagapas, Papar pada malam Rabu.**